



4

Ruj : UKM 3.1/224/8 Jld IX
Tarikh 26 Februari 2014

PEKELILING BENDAHARI BIL. 6/2014

Dekan/ Pengarah/ Ketua/ Pengetua
Fakulti/ Institut/Pusat/Jabatan/ Bahagian/Unit/Kolej Kediaman
Universiti Kebangsaan Malaysia,

Y.Bhg. Prof. Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,


ASET ALIH UNTUK DILUPUSKAN

Dengan hormatnya perkara di atas dan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset UKM Bil 1/2014 adalah dirujuk.

2. Sejak akhir-akhir ini Unit Pengurusan Aset banyak menerima aduan kehilangan aset alih yang hendak dilupuskan oleh PTJ.
3. Pegawai Aset yang telah dilantik setiap PTJ perlu memastikan aset alih yang hendak dilupuskan perlu mengisi borang permohonan pelupusan dan kemukakan kepada Unit Pengurusan Aset terlebih dahulu sebelum barang lupus dikeluarkan dari tempat sedia ada bagi mengelakkan kehilangan barang lupus tersebut.
4. Selain itu, aset yang tidak diperlukan lagi dan masih dalam keadaan baik boleh diguna semula oleh PTJ lain sebagai langkah penjimatan tanpa perlu dilupuskan tetapi perlu dimaklumkan kepada Unit Pengurusan Aset mengenai perubahan lokasi aset alih berkenaan.
5. Penggantian perabot hanya akan diberikan sekiranya ia memang rosak atau tidak boleh digunakan dan bukan atas sebab pengubahsuaian bangunan tersebut.
6. Sehubungan dengan itu, Y.Bhg. Prof. Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan dipohon untuk memastikan setiap aset yang hendak dilupuskan di letakkan di tempat yang selamat dan tersusun bagi memudahkan proses pelupusan.

Sekian, terima kasih

Yang benar


DATO' HJ. MOHD. ABD. RASHID MOHD. FADZIL
Bendahari
Universiti Kebangsaan Malaysia

- s.k
- Naib Canselor, UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Penyelidikan & Inovasi), UKM.
 - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Akademik & Antarabangsa), UKM.
 - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Pelajar & Alumni), UKM.
 - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Jaringan Industri & Masyarakat), UKM.
 - Pendaftar, UKM
 - Ketua, Unit Audit Dalam